

ACY 6980
R

**PRODUK-PRODUK PERBANKAN ISLAM
DI MALAYSIA : SUATU KAJIAN DI
MAYBANK BERHAD, KUALA LUMPUR**

MOHD ZAILANI ISMAIL

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2003



**PRODUK-PRODUK PERBANKAN ISLAM
DI MALAYSIA : SUATU KAJIAN DI
MAYBANK BERHAD, KUALA LUMPUR**

MOHD ZAILANI BIN ISMAIL

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003**

DEDIKASI

Untuk....

Allahyarham Ayahanda Ismail b. Hamat...

Bonda Nik Khadijah bt. Nik Him....

Yang mendidik dan mencurahkan segala-galanya untukku mengenali erti
kehidupan.

Semoga Allah s.w.t. memberi rahmat dan kasih sayang sebagaimana memelihara
dan menjaga ketika aku masih kecil...

Isteriku Rakhmawati bt. Mamat...

Yang sentiasa menjadi pendorong dan sumber inspirasi...

Anak yang tersayang....

'Ainul Mardhiyyah

Yang menjadi penawar bagi segala kejерihan
Tawa dan tangismu menjadi penghibur

ABSTRAK

Perbankan Islam adalah merupakan suatu bidang yang amat menarik untuk diperkatakan terutama kerana ia merupakan realiti baru yang dipraktikkan semula sejak dua dekad yang lepas. Kejayaan Bank Islam dalam operasinya dan juga peralihan minat pelanggan menjadi suatu tarikan kepada bank-bank konvensional untuk menawarkan perkhidmatan yang dikenali sebagai Skim Perbankan Islam (SPI). Operasi perbankan Islam menghadapi saingan hebat dari perbankan konvensional yang sememangnya sudah lama bertapak dan menjadi teras dalam ekonomi negara. Oleh yang demikian, pelaksanaan perbankan Islam dilakukan secara beransur-ansur dan berperingkat-peringkat untuk menghindari dari menemui kegagalan dan akhirnya terpaksa berpatah balik ke belakang. Bagi tujuan penulisan disertasi ini, penulis telah memfokuskan beberapa produk perbankan Islam yang telah dilaksanakan di Maybank Berhad dengan menumpukan beberapa aspek syariah dan ekonomi serta juga pelaksanaannya. Didalam pendahuluan penulis hanya akan menjelaskan rangka teori kajian. Bab 1 akan menerangkan konsep perbankan Islam dan juga sejarahnya di Malaysia. Bab 2 akan menceritakan serba sedikit pengenalan dan latar belakang Maybank Berhad serta pelaksanaan skim perbankan Islam. Bab 3 diuraikan prinsip syariah yang menjadi landasan kepada pembiayaan keuangan Islam yang berdaya maju untuk dilaksanakan dalam masyarakat moden. Produk-produk perbankan Islam yang menjadi fokus kajian akan dianalisis di dalam bab 4. Kemudiannya penulis akan cuba membuat satu kesimpulan dengan mengemukakan beberapa saranan kepada pihak-pihak tertentu di dalam memperkasakan sistem perbankan Islam di Malaysia sebagai penutup.

ABSTRACT

Islamic banking is an interesting subject to discuss especially because this is a reality being practiced since last two decade. The successful of the operation of Bank Islam and the transition of customers' interest is an attraction to the conventional bank to offer the services called name as 'Islamic Banking Scheme' (IBS). There is a great competition in Islamic Banking Operation compared to the conventional that being established and is the most important part in economic nation. The implementation of Islamic Banking has been done gradually and in stages to avoid failure and going reverse direction. For the purpose of this dissertation the writer is focusing on a few products of Islamic Banking which has been implemented by Maybank Berhad. Among the others the focus is on a few aspect of syariah and economic and its implementation. For the introductions, its explain the frame of the teory studies. Whereas Chapter 1 will explain the concept of Islamic Banking and the history of Islamic Banking in Malaysia. The introduction and background of Maybank Berhad will be explained in Chapter 2. Besides that, the implementation of Islamic Banking Scheme will also be include in this chapter. Chapter 3 describes the principle of syariah in detail which has become the catalyst in financing Islamic financial in modern society. Islamic Banking product which is the main focus in this studies will be analize in Chapter 4. Last but not least, I will concludi the dissertation by giving a number of proposals that may enhance the future of Islamic Banking system in Malaysia.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t. di atas limpahan kurnia-Nya dan *'Inayah*-Nya, selawat serta salam kepada junjungan besar Rasulullah s.a.w. serta ahli keluarga, para sahabat baginda dan kaum muslimin seluruhnya.

Berkat dan redha-Nya, maka disertasi ini berjaya disempurnakan sebagai memenuhi syarat mendapatkan ijazah Sarjana Syariah di Universiti Malaya. Pengalaman di sepanjang penulisan ini banyak memberi pengalaman dan pengetahuan yang berharga kepada saya dalam usaha memantapkan lagi keilmuan khususnya dalam bidang perbankan Islam yang diceburi.

Di ruangan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu yang terlibat dalam menjayakan disertasi ini, terutamanya kepada Profesor Madya Dr. Joni Tamkin b Borhan selaku penyelia yang banyak memberi bimbingan, panduan dan nasihat berguna sepanjang penyeliaannya.

Penghargaan juga ditujukan Pengurus Maybank cawangan Perbankan Islam Kota Bharu, En. Azmee, pegawai Maybank, Jabatan Perbankan Islam Kuala Lumpur, En. Ahmad Johor dan En. Mohammad Tarmizi yang sudi untuk ditemubual bagi mendapatkan segala maklumat berkaitan.

Ucapan terima kasih juga kepada Profesor Dr. Abdullah @ Alwi Hj Hassan dan semua pensyarah dan kakitangan Akademi Pengajian Islam khususnya Jabatan

Syariah di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan. Tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di perpustakaan-perpustakaan Universiti Malaya (cawangan utama dan cawangan Nilam Puri), Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Pusat Islam dan Perpustakaan Negara yang telah banyak membantu saya dalam menjalani dan mendapatkan bahan penyelidikan. Begitu juga sahabat-sahabat seperjuangan yang banyak memberikan pendapat dan dorongan pada setiap masa.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih khusus kepada ibu tersayang, isteri tercinta Rakhmawati binti Mamat, anak dan keluarga yang telah banyak membantu dan memberikan sokongan sepanjang pengajian.

Buat akhirnya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini. Semoga segala kerjasama, pertolongan, sokongan dan dorongan yang diberikan akan mendapat ganjaran setimpal di sisi Allah s.w.t.

Salam mesra.

MOHD ZAILANI ISMAIL (IGA 00037)

KG. TUALANG SALAK

16070 JELAWAT, BACHOK

KELANTAN

8 JUN 2002 / 26 RABI'UL AWAL 1423

DAFTAR ISI

TAJUK	HALAMAN
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
DAFTAR ISI	vii
TRANSLITERASI	xii
SENARAI KEPENDEKAN	xv
PENDAHULUAN	,
0.1 Pengenalan.....	2
0.2 Latar Belakang Masalah Kajian.....	4
0.3 Kenyataan Tentang Masalah Kajian.....	6
0.4 Kepentingan Kajian.....	7
0.5 Tujuan dan Objektif Kajian.....	8
0.6 Sistematika Penulisan.....	8
0.7 Hipotesis.....	10
0.8 Skop Kajian.....	10
0.9 Tinjauan kajian Terdahulu.....	10
0.10 Metodologi Kajian.....	11
BAB I : PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA	
1.1 Pengenalan.....	17
1.2 Perbankan Islam.....	18

1.2.1	Definisi Perbankan Islam.....	18
1.2.2	Perbezaan Antara Perbankan Islam Dengan Perbankan Konvensional.....	21
1.2.3	Asas-asas Prinsip Perbankan Islam.....	23
(a)	Konsep pemilik sebenar.....	25
(b)	Konsep manusia sebagai khalifah.....	26
(c)	Konsep keadilan (<i>al-'Adālah</i>).....	28
(d)	Integrasi antara nilai-nilai akhlak dengan ekonomi.....	29
(e)	Sikap positif terhadap kegiatan dan pembangunan ekonomi.....	31
(f)	Agihan semulakekayaan berorientasikan sosial	32
(g)	Penghapusan institusi riba.....	33
(h)	Perkongsian untung dan rugi.....	38
1.2.4	Fungsi Perbankan Islam.....	39
1.2.5	Matlamat dan Objektif Perbankan Islam.....	41
1.3	Perkembangan Perbankan Islam di Malaysia.....	43
1.3.1	Peringkat-peringkat perkembangan.....	43
1.3.2	Institusi Perbankan Yang Menawarkan Perbankan Islam.....	61
1.4	Kesimpulan.....	67

BAB 2 : SKIM PERBANKAN ISLAM DI MAYBANK BERHAD

2.1	Pengenalan.....	70
2.2	Maybank Berhad: Satu Pengenalan.....	70

2.2.1	Latar Belakang Penubuhan Maybank Berhad	70
2.2.2	Matlamat Kumpulan Maybank.....	71
2.2.3	Struktur Korporat.....	72
2.2.4	Maklumat Korporat.....	73
2.2.5	Aktiviti Maybank.....	74
2.2.6	Prestasi Pencapaian Maybank.....	75
2.3	Pelaksanaan Perbankan Islam di Maybank Berhad.....	78
2.3.1	Sejarah Perbankan Islam di Maybank Berhad...	78
2.3.2	Maklumat umum mengenai SPI Maybank.....	80
2.3.3	Matlamat SPI Maybank.....	82
2.3.4	Strukur Organisasi Jabatan Perbankan Islam...	82
2.3.5	Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan(MPSK)..	83
2.3.6	Prestasi Pencapaian SPI Maybank.....	85
2.3.7	Prinsip Muamalah Islam di SPI Maybank.....	87
2.3.8	Produk dan perkhidmatan SPI Maybank.....	88
2.4	Kesimpulan.....	89

BAB 3 : PRINSIP MUAMALAH ISLAM DI MAYBANK BERHAD

3.1	Pengenalan.....	92
3.2	Prinsip-prinsip muamalah Islam yang dipakai.....	93
3.2.1	<i>al-Muqārahah</i>	94
3.2.2	<i>al-Wadi'ah</i>	100
3.2.3	<i>al-Bay' Bithaman 'Ājil (BBA)</i>	105
3.2.4	<i>al-Murābahah</i>	109
3.2.5	<i>Bay' al-Dayn</i>	114

3.2.6	<i>al-Wakālah</i>	117
3.2.7	<i>al-Kafālah</i>	120
3.3	Kesimpulan.....	122

BAB 4 : ANALISIS PRODUK PERBANKAN ISLAM

DI MAYBANK BERHAD

4.1	Pengenalan.....	125
4.2	Analisis produk dan perkhidmatan perbankan Islam Maybank	
4.2.1	Operasi Perbankan : Deposit Pelanggan.....	127
5.2.1.1	Akaun Semasa.....	127
5.2.1.2	Akaun Simpanan Wadiyah.....	136
5.2.1.3	Akaun Pelaburan.....	139
4.2.2	Operasi Perbankan : Pembiayaan.....	146
4.2.3	Operasi perbankan : Pembiayaan Perdagangan	
4.2.3.1	Kutipan Bil Wakalah (WBC).....	156
4.2.3.2	Surat Kredit (LC).....	158
4.2.3.3	Resit Amanah Murabahah (MTR)..	163
4.2.3.4	Pembiayaan Bil Eksport (OBP)....	165
4.2.3.5	Jaminan Bank Cara Islam (IBG)...	167
4.2.3.6	Jaminan Perkapalan Cara Islam (ISG)	169
4.2.3.7	Bil Penerimaan Cara Islam (IAB)...	170
4.2.3.8	Pembiayaan Balik Eksport Kredit Cara Islam (IECR).....	175
4.3	Kesimpulan.....	183

PENUTUP

A. Kesimpulan	185
B. Saranan	186
BIBLIOGRAFI	189
LAMPIRAN	200

TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam disertasi ini adalah berdasarkan sistem ejaan baru Bahasa Melayu mengikut Daftar Ejaan Rumi Baharu bahasa Malaysia (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, K. Lumpur. Manakala perkataan-perkataan Arab dieja berdasarkan sistem transliterasi seperti berikut:

1. KONSONAN

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ء	: a , ' (Hamzah)	ب	b
ڻ	: b	ڦ	z
ڻ	: t	ڦ	t
ڻ	: th	ڦ	gh
ڙ	: j	ڙ	f
ڙ	: h	ڙ	q
ڙ	: kh	ڙ	k
ڙ	: d	ڙ	l
ڙ	: dh	ڙ	m
ڙ	: r	ڙ	n
ڙ	: z	ڙ	w
ڙ	: s	ڙ	h

خ	:	sy	:	ڙ	:	h
ڦ	:	ڻ	:	ڙ	:	y
ڦ	:	ڦ	:	ڦ	:	ڦ

2. VOKAL

Vokal Pendek

<u>ا</u>	(fathah)	a
<u>و</u>	(dammah)	u
<u>ي</u>	(kasrah)	I

Vokal Panjang

ا	:	aa
و	:	uu
ي	:	II

Diftong

او	:	aw
ای	:	ay
ی	:	iy / I
وو	:	uww

Kaedah transliterasi tidak digunakan bagi perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan, iaitu dengan merujuk kepada penggunaan perkataan mengikut Kamus Dewan Edisi Ketiga terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, K. Lumpur, 1996.

Manakala Alif Lam ditransliterasi sebagai al (sama ada bagi *Lam Syamsiyah* atau *Qamariyyah*) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. "a" dalam "al" tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan bahasa Malaysia, sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.

SENARAI KEPENDEKAN

BBA	=	Prinsip Bai' Bithaman Ajil “
BIMB	=	Bank Islam Malaysia Berhad
BNM	=	Bank Negara Malaysia
ed.	=	Penyunting
GIC	=	Sijil Pelaburan Kerajaan (<i>Government Investment Certificate</i>)
H	=	Hijrah
h.	=	Halaman
IAB	=	Bil Penerimaan Cara Islam (<i>Islamic Accepted Bill</i>)
<i>Ibid</i>	=	ibidiem (pada tempat yang sama)
IECR	=	Pembiayaan Semula Kredit Eksport Cara Islam (<i>Islamic Export Credit Refinancing</i>)
IICCS	=	Sistem Penjelasan Cek Antara Bank Cara Islam (<i>Islamic Interbank Cheque Clearing System</i>)
IIMM	=	Pasaran Wang Antara Bank Cara Islam (<i>Islamic Interbank Money Market</i>)
J.	=	Jilid
LC	=	Surat Kredit (<i>Letter of Credit</i>)
LG	=	Surat Jaminan Bank (<i>Letter of Guarantee</i>)
MTR	=	Resit Amanah Murabahah (<i>Murabahah Trust Receipt</i>)
<i>op.cit</i>	=	opere citato (dalam karya yang dirujuk sebelum)
s.a.w.	=	ṣallallāhu 'alaihi wa sallam
SPTF	=	Skim Perbankan Tanpa Faedah
SPI	=	Skim Perbankan Islam

s.w.t.	=	Subḥānahu wa Ta'āla
ter.	=	terjemahan atau diterjemah oleh
t.p	=	tanpa penerbit
t.t	=	tanpa tahun, tanpa tarikh
Vol.	=	Volume
OD	=	Overdraft
WBC	=	Kutipan Bil Wakalah (<i>Wakalah Bill Collection</i>)

Pendahuluan

PENDAHULUAN

0.1 Pengenalan

Perkembangan sistem perbankan di Malaysia sejak dua dekad yang lampau amat memberangsangkan. Pada penghujung Jun 2001, aset terkumpul bernilai RM 56 bilion, berbanding RM47 bilion pada Mac lalu. Jumlah itu mewakili peningkatan 7.5 peratus daripada aset keseluruhan sistem kewangan Malaysia.¹ Peranannya di bidang pembangunan ekonomi negara telah melalui pelbagai proses transformasi dan reformasi terutamanya sejak sedekad yang lalu. Dalam memenuhi keperluan ekonomi yang semakin rumit dan canggih, peranan industri perbankan telah banyak berubah daripada hanya pembiayaan perdagangan kepada menyediakan kemudahan dana bagi membiayai pembangunan dan pertumbuhan aktiviti dalam sektor ekonomi yang lain. Bahkan adalah di jangkakan pada masa hadapan, sistem perbankan akan memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan ekonomi negara dan bukan sekadar memberi kemudahan kewangan kepada sektor ekonomi yang lain.

Sistem Perbankan Islam (SPI) adalah satu skim yang dirangka untuk membenarkan institusi kewangan konvensional menawarkan khidmat perbankan Islam yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat yang melibatkan beberapa fasa. Semua bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan layak untuk menyertai SPI ini. Fasa pertama yang dilancarkan pada Mac 1993 melibatkan 3

¹ Utusan Malaysia, "Perbankan Islam & Takaful Malaysia". 26 Oktober 2001, h.25.

buah bank perdagangan yang terbesar di Malaysia iaitu Malayan Banking Berhad (Maybank), Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) dan United Malayan Banking Corporation Berhad (UMBC). Fasa kedua pelaksanaan SPI yang dilancarkan pada 21 Ogos 1993 melibatkan 10 buah lagi institusi kewangan dan perbankan di Malaysia antaranya ialah Perwira Habib Bank Berhad, Arab Malaysian Finance Berhad dan Mayban Finance Berhad.

SPI di Malaysia sehingga 1994 mempunyai 22 produk yang telah diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah² dan adalah dijangkakan terdapat banyak lagi produk-produk baru yang sedang dikaji dan akan dilaksanakan oleh Bank Islam pada masa akan datang. Bank Negara Malaysia telah menyediakan satu garis panduan SPTF/SPI³ yang melibatkan 22 produk baru supaya SPI yang ditawarkan oleh institusi-institusi berkenaan tidak bertindih antara mereka.³ Menurut garis panduan tersebut, bank perdagangan dibenarkan menawarkan 19 produk, syarikat kewangan 14 produk dan 9 produk oleh bank saudagar. Produk-produk SPI dirumus berdasarkan konsep dan prinsip muamalat Islam⁴ dan mampu bersaing dengan produk-produk perbankan konvensional.⁵

²Bank Negara Malaysia (1994), *Money and Banking in Malaysia*. BNM, Kuala Lumpur, h.142.

³Lihat Lampiran 1.

⁴Keterangan lanjut boleh dilihat dalam Nor Mohamed Yakcop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h.74-94; BIRT (1998), *Konsep Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam*, Kuala Lumpur, h.120; Mohd Ali Hj Bahrum, "Kaedah-kaedah Syariah Dalam Muamalat" Kertas Kerja Seminar Keusahawanan dan Perniagaan Islam, 28-29 November 1987, Petaling Jaya; Mohd Daud Bakar, "Aspek-aspek Pembiayaan Projek dalam Amalan Perbankan Islam" dalam *Jurnal Syariah*, 1.5(2), Julai 1997, h.204-228.

⁵Abdul Rahman Yahia (1999), *Interest-Free Islamic Banking*. Kuala Lumpur, h.107-108.

Perkembangan yang begitu membanggakan ini telah membawa sistem ini dari pinggiran sistem perbankan kepada arus perdana. Sistem perbankan Islam mampu untuk bersaing dengan perbankan konvensional kerana keupayaan dan keutuhan konsep dan prinsipnya yang adalah didasarkan kepada wahyu Ilahi. Ini dapat dibuktikan dengan kejayaannya dapat melepassi halangan kegawatan ekonomi yang telah melanda Malaysia akhir 1997. Jadi tidak hairanlah kini masyarakat telah berpaling dan bertukar kepada perbankan Islam ini.

0.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Jika diperhatikan kepada institusi-institusi kewangan konvensional pada hari ini, sejumlah besarnya ada menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam menerusi Skim Perbankan Islam. Minat institusi kewangan konvensional ini untuk menceburi sektor ini secara aktif adalah berpaksikan kepada beberapa faktor. Antaranya:-

i) Kejayaan bank Islam beroperasi dalam perbankan konvensional.

Dalam tempoh 10 tahun (1983-1993) Bank Islam beroperasi, terbukti bahawa perbankan Islam berdaya maju dan mampu bersaing dengan institusi kewangan konvensional, bahkan terus membangun dalam persekitaran dan suasana konvensional. Kemampuan Bank Islam untuk berkembang dan bersaing menjadikannya satu alternatif urusan perbankan untuk pelanggan. Malah, Bank Islam berjaya mengatasi halangan-halangan psikologi dan prejudis. Produk demi produk yang ditawarkan dan tahap perkhidmatan yang bertambah baik dari masa

ke masa turut meningkatkan imej bank berkenaan. Tidak dinafikan bahawa sasaran pelanggan Bank Islam yang utama ialah masyarakat Islam, namun masyarakat bukan Islam turut cuba bermuamalah dengan bank berkenaan bagi mempelbagaikan risiko mereka di samping kaedah pengkosan yang lebih kompetitif. Tambahan lagi dengan kejayaan pengapungan Bank Islam di Bursa Saham Kuala Lumpur pada tahun 1992 menjadi faktor pendorong bagi institusi kewangan konvensional untuk memasuki bidang perbankan Islam ini.

ii) Pasaran yang lebih meluas.

Institusi kewangan konvensional mengambil sikap pragmatik untuk turut serta memberi sumbangan dengan cara menawarkan urusan perbankan Islam kepada pelanggan-pelanggan mereka kerana menyedari bahawa kesedaran dan kebangkitan Islam yang semakin terserlah di kalangan umat Islam akan memberi kesan saingan kepada operasi perbankan konvensional.

iii) Sokongan kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM)

Satu perkara utama institusi-institusi kewangan konvensional begitu terdorong untuk turut serta dalam sektor perbankan Islam ialah kerana ketelusan, kesungguhan dan sokongan Kerajaan dan BNM terhadap sektor ini. BNM adalah komited untuk mewujudkan satu sistem perbankan Islam yang lengkap dan maju seiring dengan sistem konvensional.

Sebagaimana yang dimaklumi bahawa Bank Negara Malaysia telah meluluskan beberapa produk perbankan Islam untuk diamal dan diterima pakai mengikut kehendak pelanggan. Amalan sistem perbankan Islam di Malaysia sebenarnya masih lagi diperingkat usia muda yang mana masih memerlukan suatu pembaikian di setiap aspek. Maybank Berhad adalah merupakan sebaik-baik model kerana keterlibatannya pada awal lagi di dalam dunia perbankan Islam. Namun sejauhmanakah ketepatan dan ketelusurnya menggunakan produk tersebut di dalam memenuhi keperluan umat Islam selaras dengan syariat yang sebenar di dalam praktikalnya ? Walaupun kemungkinan terdapat prinsip-prinsip syariah diadaptasikan di dalam pelaksanaannya, tetapi di sana ada terdapat beberapa halangan ataupun isu-isu syariah dalam sistem perbankan Islam sehingga menyebabkan pelanggan tidak juga akan terlepas dari terlibat dengan riba. Berdasarkan faktor inilah penulis cenderung untuk mengupas serta menganalisis perkara berkenaan.

0.3 Kenyataan Tentang Masalah Kajian

Bank Negara Malaysia telah meluluskan beberapa produk perbankan Islam untuk diguna pakai di bank-bank konvensional yang ingin menawarkan skim perbankan Islam. Oleh yang demikian, bank tersebut hendaklah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Majlis Pengawasan Syariah hendaknya mestilah berautoriti bagi memastikan setiap produk yang dilaksanakan benar-benar telus dan bertepatan dengan kehendak syariah sama ada dari segi teori maupun praktikal. Gimik untuk menawarkan skim perbankan Islam mestilah dihindari kerana ianya ibarat virus yang akan merosakkan kesucian dan kemurnian Islam. Berdasarkan

maklumat dan data yang diberikan sahaja dapat dianalisis oleh penulis. Data dan maklumat yang tidak dapat diperolehi dari bank adalah perkara sulit, jadi ianya tidak mampu dikaji oleh penulis.

0.4 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kepada tajuk perbahasan yang dipilih ini terdapat beberapa kepentingan bagi kajian yang dibuat ini, antaranya ialah;

- i) Untuk mengkaji secara mendalam mengenai nas-nas daripada al-Quran dan al-Sunnah serta ijmak yang menyentuh tentang prinsip yang digunakan dalam pelaksayaan SPI.
- ii) Mengetahui segala bentuk kriteria dan syarat-syarat umum yang diletakkan oleh Islam bagi membolehkan sebarang produk yang diperkenalkan adalah selari dengan kehendak syariah.
- iii) Untuk menunjukkan kesyumulan sistem Islam yang merangkumi aspek-aspek kehidupan manusia yang terdiri daripada akidah, ibadat, muamalat dan akhlak. Kesyumulan itu dapat dilihat dalam bidang ekonomi yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.
- iv) Mengenal pasti masalah-masalah pelaksanaan SPI dalam sesbuah kerajaan atau organisasi.

- v) Mengenal pasti pembaharuan yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia dalam melaksanakan SPI di samping dapat menambahkan pengetahuan kepada penulis tentang SPI di Malaysia.

0.5 Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan kepada beberapa objektif yang difikirkan oleh penulis. Adalah diharapkan objektif ini akan memberi faedah kepada semua pihak. Di antara objektif tersebut ialah:

- i. Mengetahui dengan jelas tatar belakang sistem perbankan Islam di Maybank Berhad.
- ii. Mendapatkan maklumat yang jelas tentang produk-produk perbankan Islam serta prinsip-prinsipnya yang ditawarkan.
- iii. Memperkasakan lagi SPI yang benar-benar mampu dan mampu dalam membantu perkembangan ekonomi umat Islam.
- iv. Sebagai sumber rujukan kepada para pengkaji di dalam kajian SPI.
- v. Menyedarkan kepada masyarakat bahawa SPI adalah setanding dengan sistem perbankan konvensional malahan adalah lebih baik.

0.6 Sistematika penulisan

Kajian ini disusun dalam tiga bahagian. Pertama; landasan teori penulis. Kedua; perbankan dari perspektif Islam. Tiga; analisis produk SPI di Maybank Berhad.

Kajian ini mengandungi empat bab tidak termasuk dengan pendahuluan dan penutup. Didalam pendahuluan penulis mengemukakan rangka teori kajian, objektif, metodologi kajian dan sebagainya.

Dalam bab 1, penulis membentangkan tentang konsep perbankan menurut Islam, fungsi perbankan dan juga asas-asas ataupun prinsip-prinsip syariah dalam amalan perbankan Islam. Manakala bab 2 pula penulis akan mengulas tentang Maybank Berhad itu sendiri secara umum dari segi sejarah penubuhan serta operasinya dan begitu juga prestasi yang dicapai.

Dalam bab 3, penulis cuba mengulas dan menghuraikan mengenai prinsip-prinsip muamalah perbankan Islam yang digunakan. Di sini kita akan melihat amalan perbankan yang jalankan dengan berlandaskan prinsip-prinsip dan kaedah syar'iyyah.

Manakala dalam bab 4, penulis akan cuba membuat analisis terhadap produk-produk perbankan Islam yang ditawarkan dari segi ketepatan dan cakupannya dengan prinsip-prinsip Islam. Juga sejauhmanakah keberkesanan produk-produk yang diperkenalkan. Manakala sebagai penutupnya penulis akan membuat kesimpulan menyeluruh dari perbincangan sebelumnya dan sekaligus mengemukakan saranan-saranan dan cadangan yang difikirkan perlu serta wajar sebagai mengakhiri kajian ini.

0.7 Hipotesis

Berdasarkan pengamatan dan juga analisis penulis pada peringkat awalnya, penulis merasakan perjalan SPI di Malaysia adalah menepati syariah dan tidak mempunyai unsur-unsur riba yang diharamkan. Cumanya masih lagi terdapat beberapa isu dan juga halangan yang menghalang pengguna untuk bebas sepenuhnya dari riba contohnya syarikat pemaju. Namun ianya bukanlah termasuk di dalam institusi perbankan atau kewangan yang dibincangkan.

0.8 Skop Kajian

Skop kajian penulis adalah mengenai produk-produk perbankan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia. Kajian pengamalan dan pengoperasian adalah tertumpu di salah sebuah bank yang paling awal menerima sistem perbankan Islam iaitu Maybank Berhad.

0.9 Tinjauan Kajian Terdahulu

Berdasarkan kepada tinjauan kajian terdahulu, didapati kebanyakan tulisan ataupun kajian-kajian ilmiah yang dibuat adalah hanya membahaskan secara berasingan di antara setiap instrumen yang ada di dalam setiap produk . Antaranya ialah "Instrumen at-Tamwil dan Sistem Overdraft di Maybank: Suatu Perbandingan" iaitu latihan ilmiah di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya hasil tulisan Solehah bt. Omar. Latihan ini jelas hanya memfokuskan kepada salah

satu instrumen iaitu overdraft yang ditawarkan oleh Maybank. Kajiannya adalah secara perbandingan dengan *al-Tamwil* mengikut prinsip syariah.

Manakala "Skim Pembiayaan BBA: Kajian Perbandingan antara BIMB dan Maybank", juga latihan ilmiah dihasilkan Muhammad Fuad b Ahmad Tajuddin memfokuskan kepada skim pembiayaan BBA secara perbandingan antara BIMB dan Maybank.

Antara lain lagi ialah "Pelaksanaan Skim Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB): Satu Kajian di Mayban Finance Berhad, tulisan Rosnita Rajikan. Namun latihan ilmiah ini menumpukan kepada hanya satu produk sahaja di salah sebuah anak syarikat Maybank Berhad.

Banyak lagi hasil tulisan yang telah ditinjau, namun tiada kedapatan suatu tulisan yang penulis rasa belum lagi diterbitkan. Berdasarkan tinjauan inilah, penulis berazam untuk menghasilkan sesuatu yang benar-benar memberi input positif kepada seluruh golongan masyarakat di dalam rangka untuk memperkasa lagi institusi perbankan Islam di persada tanahair.

0.10 Metodologoi Kajian

Bagi menyiapkan kajian ini beberapa metod/kaedah kajian telah digunakan. Ini bertujuan untuk menggariskan tujuan yang dibuat . Mudah-mudahan dengan metod demikian akan dapat menghasilkan suatu kajian yang bermutu tinggi. Di antara metod yang digunakan penulis ialah:

- i. Metod penentuan subjek.
- ii. Metod pengumpulan data.
- iii. Metod analisa data.

i. Metod penentuan subjek

Penentuan subjek adalah suatu yang cukup penting kerana dengan kejelasan subjeknya akan dapat memudahkan penumpuan terhadap kajian. Jadi, penulis telah menggunakan metod *sampling* di dalam kajian ini iaitu Maybank Berhad sebagai sampel kepada bank-bank lain dan organisasi-organisasi yang lain di Malaysia khasnya dan di dunia luar amnya. Ini adalah dirasakan lebih baik dan bersesuaian sekali kerana Maybank Berhad merupakan bank terawal yang menerima pakai SPI semenjak ia ditubuhkan sehingga sekarang. Maybank Berhad yang merupakan salah sebuah bank perdagangan yang menawarkan Perbankan Islam adalah model terbaik sebagai perintis kepada bank-bank lain.

ii. Metod pengumpulan data

Data yang tepat dan benar akan menghasilkan suatu kajian yang bermutu dan bernilai. Terdapat beberapa kaedah dan metod untuk menghasil data, jadi penulis telah menggunakan beberapa kaedah dan metod untuk mengumpul data-data yang diperlukan. Di antaranya:

- a. Metod Historis
- b. Metod dokumentasi dan perpustakaan

c. Metod temubual

a. Metod Historis

Metod ini merupakan satu kaedah untuk menentukan padanya pendapat yang paling tepat mengenai sesuatu kajian. Di antara tujuan metod ini digunakan ialah untuk mendapatkan data-data yang tepat berhubung dengan nilai-nilai sejarah. Penulis mengambil metod ini bagi mendapatkan data-data mengenai perkara berikut:

- i) Sejarah perbankan Islam didunia dan Malaysia.
- ii) Matlamat(minifesto misi/ visi) perbankan Islam.

Kajian ini juga berdasarkan sumber-sumber dalam bentuk tulisan yang dikemukakan oleh ahli-ahli ekonomi, pemikir-pemikir dan para cendekiawan Islam sama ada yang terdahulu ataupun yang terkini.

b. Metod Dokumentasi dan Perpustakaan

Metod di atas menjadi keutamaan hampir semua bahagian kajian. Metod ini berkaitan dengan pengumpulan data-data yang diperolehi melalui kajian dokumen yang ada kaitan dengan masalah yang dikaji.. Dokumen tersebut terdiri daripada al-Quran, al-Hadis, majalah-majalah, buku-buku, akhbar-akhbar dan lain-lain. Al-Quran dan al-Hadis juga dianggap sebagai satu dokumen kerana sifatnya sebagai sumber bertulis dan terjamin keasliannya.

Pengumpulan data juga telah dibuat di beberapa buah perpustakaan utama seperti:

- i) Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- ii) Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- iii) Perpustakaan Institut Penyelidik Perbankan Islam, BIMB.
- iv) Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia
- v) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- vi) Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur

c. Metod Temubual

Penulis telah menggunakan metod ini bagi mendapatkan maklumat-maklumat untuk menganalisa data-data yang ada dalam bab 3, 4 dan 5. Penulis juga menemubual beberapa orang imformen yang difikirkan boleh memberi keterangan dan bertanggungjawab dalam masalah ini.

iii. Metod analisis data

Penulis telah menggunakan beberapa metod untuk menganalisis data yang ada. Di antaranya:

a. Metod deduktif:

Metod deduktif ini adalah merupakan bentuk pola berfikir yang dicari dengan berpaksikan pada dalil yang umum untuk sampai kepada dalil yang khusus.

Penulis telah mengaplikasikan metod ini didalam bab 4 kerana terdapat beberapa dalil yang menjadi hujah kepada permasalahan.

b. Metod induktif:

Metod ini pula merupakan suatu bentuk pola berfikir yang mempunyai pembuktian melalui perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil bersifat umum. Penulis cuba mengaplikasikan metod ini didalam bab 5 wujudnya pembuktian bank yang melaksanakan perbankan Islam berdasarkan beberapa dalil yang bersifat umum.

c. Metod komperatif:

Metod ini telah digunakan oleh penulis untuk membuat beberapa perbandingan di antara teori dan praktikalnya di masa kini. Sebagai contohnya penulis cuba mengaplikasikan metod ini didalam bab analisis di mana telah digariskan beberapa teori dan bagaimana pelaksanaannya yang telah berlaku di Maybank. Melalui cara ini beberapa penemuan akan didapati untuk lebih menjelaskan lagi kajian yang dijalankan